

# Pelajar UMP wakili Asia-Pasifik

KUANTAN - Pelajar Ijazah Kedoktoran (PhD) Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA), Ashwin Charles Benedict, 32, bakal menyertai Pertandingan Falling Wall Labs 2017 di Berlin, Jerman.

Idea daripada hasil kajiannya berjudul 'Catalyzing Change: Light at the end of the Tunnel' itu memberi peluang kepadanya menyertai pertandingan peringkat tertinggi di Berlin pada 8 dan 9 November nanti.

Ashwin sebelum ini pernah mengharumkan nama Malaysia apabila dinobatkan juara Pertandingan Asia-Pacific 3 Minutes Thesis Competition

apabila menewaskan 55 peserta lain dari seluruh Australia, New Zealand dan Asia.

Lebih menarik Ashwin turut meraih anugerah People's Choice Award apabila meraih undian tertinggi di pentas akhir pertandingan yang berlangsung di University of Queensland baru-baru ini.

Ashwin Charles berkata, beliau perlu membuat persiapan dan latihan secukupnya sebelum menyertai pertandingan itu.

"Banyak cabaran terpaksa ditempuhi dan idea baharu perlu dicari sekiranya ingin berjaya dalam pertandingan di peringkat antarabangsa seperti ini.



Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir (tiga, kir) menyampaikan sijil penghargaan kepada Ashwin atas kejayaan menjuarai Pertandingan Asia-Pacific 3 Minutes Thesis Competition di Australia.

"Saya akan melakukan yang terbaik pada pertandingan di Jerman nanti kerana saya membawa nama Asia Pasifik," katanya pada Majlis Meraikan Kejayaannya Ashwin anjuran Institut Pengajian Siswazah

(IPS) di Universiti Malaysia Pahang (UMP), kelmarin.

Tesis Tiga minit (3MT) adalah satu pertandingan komunikasi penyelidikan yang dibangunkan oleh University of Queensland.